

## **PENGANJUR DAN KELAYAKAN**

1. Peraduan *MyDebit Shop, Wave & Win* (“Peraduan MyDebit”) dianjurkan oleh Guardian Health And Beauty Sdn. Bhd. (“Penganjur”) dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (“PayNet”) (“Penaja Hadiah”).

## **TEMPOH PERADUAN**

1. Peraduan MyDebit akan berlangsung dari 1 November 2020 jam “00:00:01” dan berakhir pada 31 Disember 2020 jam “23:59:59” [“Tempoh Peraduan”]. Penganjur berhak meminda Tempoh Peraduan pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu. Semua penyertaan yang diterima selepas Tempoh Peraduan adalah tidak sah dan akan dibatalkan. Hanya penyertaan lengkap sahaja yang akan diterima.

## **BUTIRAN PERADUAN**

1. Peraduan MyDebit terbuka kepada semua pemegang kad MyDebit Mesin Juruwang Automatik [“ATM”] yang dikeluarkan oleh institusi kewangan yang terlibat dengan perkhidmatan MyDebit di Malaysia. Pemegang kad tersebut mestilah penduduk tetap di Malaysia atau warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas dan mempunyai kad pengenalan yang sah semasa Tempoh Peraduan [“Peserta”]. Peserta juga mesti mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana institusi kewangan tersebut, tidak dorman dan dalam kedudukan kewangan yang baik sepanjang Tempoh Peraduan sehingga penebusan Hadiah.
2. Peserta mesti berbelanja menggunakan kad ATM MyDebit di mana-mana kedai Guardian dalam Tempoh Peraduan dengan pembelian minimum RM30.00 dalam satu resit.
3. Peserta hanya layak untuk satu (1) penyertaan WhatsApp SAHAJA untuk setiap resit.
4. Peserta perlu menjawab soalan mudah: “Berbelanja minimum RM30 untuk menyertai Peraduan MyDebit Shop, Wave & Win? Betul atau Salah.”
5. Hantarkan maklumat berikut melalui WhatsApp ke +6019-3807 635, talian telefon khas yang disediakan oleh Penganjur untuk menerima penyertaan peserta:
  - i. Lampiran gambar resit pembelian dan slip bank (“Bukti Pembelian”);
  - ii. Jawapan kepada soalan yang diberi;
  - iii. Nombor kad pengenalan;
  - iv. Nama penuh mengikut kad pengenalan.
6. Simpan Bukti Pembelian asal bertarikh dalam Tempoh Peraduan yang sepadan dengan penyertaan yang dihantar melalui WhatsApp.
7. Salinan Bukti Pembelian atau yang dicetak semula tidak diterima. Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan yang Bukti Pembeliannya tidak dapat dibaca, berubah bentuk dan diubah suai.

## **PEMILIHAN PEMENANG DAN PENEBUSAN HADIAH**

1. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan WhatsApp yang mereka mahu tetapi setiap penyertaan mesti disertakan dengan maklumat yang diperlukan dan Bukti Pembelian yang berbeza untuk setiap penyertaan.
2. Peserta tidak dibenarkan untuk menghantar lebih dari satu (1) penyertaan WhatsApp dengan Bukti Pembelian yang sama kepada Penganjur.
3. Semua penyertaan yang layak akan disenarai pendek secara rawak oleh proses pemilihan berkomputer.
4. Pemenang yang terpilih akan dihubungi oleh Penganjur melalui telefon dalam tempoh tiga (3) hari bekerja hingga tiga (3) kali percubaan dalam waktu bekerja.
5. Hadiah mesti diambil oleh pemenang atau wakil sah pemenang dengan surat kebenaran yang sah dan ditandatangani, termasuk salinan kad pengenalan pemenang sahaja.
6. Sekiranya pemenang terpilih tidak dapat dihubungi setelah tiga (3) kali percubaan kerana tiada jawapan, nombor telefon tiada dalam perkhidmatan atau tiada sambungan atau lain-lain sebab maka hadiah tersebut akan diberikan kepada pemenang terpilih yang seterusnya mengikut Terma dan Syarat Peraduan MyDebit. Penganjur/Penaja Hadiah tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi atas alasan apa pun.
7. Pemenang terpilih hanya boleh memenangi satu (1) hadiah sahaja sepanjang Tempoh Peraduan, tanpa mengira jumlah penyertaan layak yang telah diterima.
8. Penganjur akan memaklumkan pemenang-pemenang yang terpilih dengan menghubungi mereka melalui telefon atau e-mel, di akhir Tempoh Peraduan. Penganjur akan menyenaraikan nama-nama pemenang di laman web dan/atau media sosial mereka. Pemenang akan dimaklumkan oleh Penganjur tidak lewat daripada tiga (3) bulan selepas berakhirnya Tempoh Peraduan.
9. Hadiah mesti diambil dan diterima oleh pemenang terpilih dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh pemberitahuan. Sekiranya berlaku penolakan atau kegagalan untuk menerima Hadiah dalam tempoh masa yang ditentukan, Penganjur berhak untuk membatalkan Hadiah yang tidak dituntut dan sebarang pertanyaan selepas itu tidak akan dilayan. Tiada bayaran balik akan diberikan untuk Hadiah yang tidak dituntut. Wang tunai tidak akan diberikan sebagai pertukaran untuk Hadiah.

## HADIAH

- a. Hadiah Utama: Honda Civic 2020 (tidak termasuk yuran pendaftaran, cukai jalan, insurans dan apa-apa cukai berkaitan) X 1 pemenang;
  - b. Hadiah Pertama: iPad Pro Wifi 11" + Cellular 256 GB x 5 pemenang;
  - c. Hadiah Kedua: Apple Watch Series 6 x 5 pemenang;
  - d. Hadiah Ketiga: Dyson Airwrap Styler x 8 pemenang;
  - e. Hadiah Keempat: Kitchenaid Multicooker x 8 pemenang;
  - f. Hadiah Saguhati: Baucar Guardian RM500 x 25 pemenang.
1. Imej Hadiah yang ditunjukkan dalam sebarang bahan promosi, iklan, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan MyDebit ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza dengan Hadiah sebenar yang diterima.
  2. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal (jika berkenaan). Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur/Penaja Hadiah dan ejennya tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan pada butiran Hadiah atau apa-apa keadaan yang tidak dijangka di luar kawalan munasabah pihak Penganjur/Penaja Hadiah dan untuk apa-apa perbuatan atau keingkaran oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga.
  3. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku kepada semasa proses penebusan/penghantaran Hadiah. Sebarang kos tambahan lain (contohnya: perbelanjaan perjalanan) yang terlibat untuk menebus atau mengambil Hadiah akan ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.
  4. Penganjur berhak untuk menangguhkan tarikh dan menukar tempat penebusan Hadiah yang telah ditetapkan ke tarikh dan tempat lain sekiranya berlaku apa-apa keadaan yang di luar jangkaan.
  5. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kos pengangkutan yang berkaitan dengan penebusan dan/atau penghantaran Hadiah. Sebarang kos, duti, cukai dan/atau perbelanjaan sampingan atau caj tambahan yang dikenakan berkenaan dengan Hadiah akan ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.
  6. Penebusan Hadiah adalah tertakluk kepada ketersediaan Hadiah di mana Penganjur akan memaklumkan pemenang dari semasa ke semasa.

7. Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berkaitan dengan Peraduan MyDebit termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilihan pemenang dan Hadiah adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan dari Peserta tidak akan dilayan.
8. Peserta yang terpilih akan dihubungi oleh Penganjur berdasarkan maklumat yang diberikan semasa proses penghantaran penyertaan mereka.

## **HAK-HAK PENGANJUR**

1. Peserta memberikan hak kepada Penganjur/Penaja Hadiah untuk menggunakan sebarang gambar dan/atau bahan lain yang diterima semasa Peraduan MyDebit atau selepas itu (termasuk nama Peserta, alamat e-mel, nombor telefon, gambar, dan lain-lain) untuk tujuan iklan, pemasaran dan komunikasi tanpa sebarang pampasan kepada Peserta, penggantinya atau mereka yang mewakilinya, atau entiti lain.
2. Semua penyertaan mestilah asli dan tidak melanggar hak harta intelek yang dimiliki oleh mana-mana pihak. Peserta tidak boleh menaikkan, menyebarkan, menyalin atau memberikan, apa-apa bahan yang mengandungi hak harta intelek pihak lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada hak cipta, atau maklumat hak milik lain yang dipegang oleh pihak lain tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu dari pemilik hak harta intelek atau maklumat hak milik. Sekiranya anda yakin karya anda telah digunakan dan ditayangkan serta melanggar hak harta intelek, sila hubungi Penganjur.
3. Dengan menyerahkan penyertaan anda kepada Peraduan MyDebit ini, semua Peserta bersetuju dan mengakui bahawa semua hak harta intelek dalam setiap penyertaan akan menjadi milik Penganjur/Penaja Hadiah. Penganjur/Penaja Hadiah memegang hak eksklusif untuk menggunakan, menyunting, mengubah dan menyiarkan penyertaan yang dihantar oleh semua Peserta, menyenaraikan nama-nama Peserta, dengan cara yang difikirkan sesuai untuk sebarang tujuan iklan, perdagangan, promosi dan sebab-sebab lain, tanpa notis pemberitahuan kepada Peserta dan Peserta tidak akan menuntut hak pemilikan atau pembayaran atau pampasan yang berkaitan dengan maklumat tersebut atau penyertaannya.
4. Dengan menyertai Peraduan MyDebit, Peserta:
  - a. Bersetuju dengan penggunaan nama, foto, karikatur, suara, maklumat biografi dan/atau kesamaan mereka, tanpa sebarang pampasan oleh Penganjur dan/atau pihak berkaitan yang diberi kuasa oleh Penganjur untuk Peraduan MyDebit.
  - b. Membenarkan Penganjur dan mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh Penganjur hak dan lesen yang tidak boleh ditarik balik, untuk digunakan di seluruh dunia, kekal, bebas royalti untuk menggunakan sebarang bahan yang dihantar sebagai sebahagian daripada penyertaan mereka ke dalam Peraduan MyDebit, foto-foto, dan sebarang rakaman atau bahan yang memaparkan atau yang menggambarkan pemenang (secara kolektif dikenali sebagai "Karya") dengan apa cara sekalipun, untuk tujuan apa pun yang difikirkan sesuai oleh pihak penganjur, dalam semua bentuk media yang dikenali sekarang atau yang dicipta selepas ini.
  - c. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, akan mengenyahkan hak moral atau hak yang serupa yang mungkin mereka miliki dalam Karya atau mana-mana bahagian daripadanya di seluruh dunia.
  - d. Berjanji untuk tidak membantah penggunaan Karya oleh Penganjur atau pihak yang diberi kuasa oleh Penganjur

- e. Tanpa membataskan skop Terma dan Syarat, dengan ini melepaskan Penganjur/Penaja Hadiah atau pihak yang diberi kuasa oleh Penganjur/Penaja Hadiah daripada apa sahaja tuntutan dan penyebab tindakan untuk sebarang jenis fitnah, pelanggaran hak atau privasi atau publisiti, atau untuk tuntutan atau penyebab tindakan lain berdasarkan, berkaitan dengan, atau sehubungan dengan penggunaan yang dibuat oleh Penganjur/Penaja Hadiah atau pihak yang diberi kuasa oleh Penganjur/Penaja Hadiah atas mana-mana hak yang diberikan di atas.
5. Pemenang mungkin diperlukan untuk menyertai aktiviti promosi yang berkaitan dengan cabutan Hadiah dan pemenang akan mengambil bahagian dalam aktiviti tersebut atas permintaan wajar oleh Penganjur/Penaja Hadiah. Pemenang membenarkan Penganjur/Penaja Hadiah dan syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya, sebelum dan selepas tarikh tutup cabutan Hadiah tanpa batas masa, untuk menggunakan suara, imej, foto, dan nama pemenang untuk tujuan publisiti (dalam semua medium), termasuk foto dan filem, dan di internet, termasuk mana-mana laman web yang dihoskan oleh Penganjur / Penaja Hadiah dan syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya) dan untuk bahan iklan, pemasaran atau promosi tanpa pampasan tambahan atau pemberitahuan awal dan dengan menyertai cabutan Hadiah, semua Peserta bersetuju untuk perkara yang sama.
6. Peserta bersetuju bahawa mereka bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kandungan yang dihantar. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur/Penaja Hadiah tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kandungan. Penganjur/Penaja Hadiah berhak untuk melepaskan sebarang kandungan tanpa memberikan sebarang alasan. Peserta menjamin dan bersetuju bahawa:
  - a. mereka tidak akan menghasilkan kandungan yang menyalahi undang-undang atau menipu, atau Penganjur/Penaja Hadiah boleh mempertimbangkan sama ada ia melanggar harta intelek, privasi, publisiti atau hak lain, memfitnah, menghina, lucah, atau mempunyai penganiayaan seksual, keganasan, kekasaran, mengganggu, mengancam, tidak menyenangkan yang berkait dengan bangsa, agama, asal usul atau jantina, tidak sesuai untuk kanak-kanak di bawah usia 18 tahun, atau tidak sesuai untuk penerbitan;
  - b. mereka akan mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dari mana-mana individu atau hartanah yang dipaparkan dalam kandungan mereka;
  - c. mereka akan mendapatkan persetujuan penuh terlebih dahulu daripada mana-mana individu yang telah membuat atau mempunyai hak dalam kandungan, bagi sebarang penggunaan dan untuk sama-sama mematuhi syarat-syarat di dalam ini;
  - d. kandungan tersebut tidak boleh mengandungi virus atau menyebabkan kecederaan atau bahaya kepada mana-mana individu atau entiti;
  - e. mereka akan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang ada, termasuk tanpa batasan, individu yang mengendalikan hak cipta, kandungan, fitnah, privasi, publisiti dan akses atau penggunaan komputer atau sistem komunikasi individu.
7. Penganjur/Penaja Hadiah berhak untuk menolak sebarang penyertaan yang tidak betul, tidak lengkap, mencurigakan atau tidak sah. Peserta bersetuju untuk tidak sengaja merosakkan atau menyebabkan gangguan pada Peraduan MyDebit dan/atau menghalang orang lain menyertai Peraduan MyDebit.
8. Penganjur/Penaja Hadiah dan syarikat induk yang berkenaan, sekutunya, anak syarikat, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi yang memberi khidmat, serta penasihat undang-undang adalah tidak bertanggungjawab dan tidak akan dipertanggungjawabkan untuk semua liabiliti yang timbul daripada: -

- a. gangguan, kesesakan rangkaian, serangan virus berbahaya, penggodaman data tanpa kebenaran, kerosakan data dan kegagalan perkakasan pelayan atau yang selain dari itu; sebarang kesilapan teknikal dan kegagalan mengakses rangkaian internet;
  - b. telefon, elektronik, perkakasan atau program perisian, rangkaian, internet, pelayan atau kerosakan komputer, kegagalan, gangguan, salah faham komunikasi atau kesukaran dalam bentuk apa pun, sama ada manusia, mekanikal atau elektrik, termasuk tanpa batasan, tangkapan maklumat kemasukan yang tidak betul atau tidak tepat dalam talian;
  - c. sebarang komunikasi yang terlewat, hilang, tertunda, salah arah, tidak lengkap, tidak dapat difahami termasuk tetapi tidak terhad kepada e-mel;
  - d. sebarang tindakan kerajaan yang tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau alasan lain di luar kawalan Penganjur;
  - e. transmisi komputer yang gagal, tidak lengkap, hilang, tidak keruan, terganggu, tidak tersedia atau tertunda;
  - f. sebarang keadaan yang disebabkan oleh peristiwa di luar kawalan Penganjur/Penaja Hadiah yang boleh menyebabkan Peraduan MyDebit terganggu atau tercemar;
  - g. sebarang kecederaan, kerugian, atau kerosakan dalam bentuk apa pun yang timbul berkaitan dengan atau akibat pemberian, atau penerimaan, pemilikan, atau penggunaan Hadiah, atau daripada penyertaan dalam Peraduan MyDebit. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Hadiah akan diberikan oleh Penganjur/Penaja. Peserta dan/atau pemenang dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa Penganjur/Penaja Hadiah tidak menyertakan sebarang jaminan dan/atau tanggungjawab sehubungan dengan Hadiah yang diberikan dan/atau Peraduan MyDebit. Peserta akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kecelakaan, kecederaan, kehilangan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kecederaan diri dan/atau kematian) yang disebabkan oleh penyertaan mereka dalam Peraduan MyDebit, penebusan dan/atau penggunaan Hadiah;
  - h. Penganjur/Penaja Hadiah tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kehilangan, kerosakan atau kecederaan (termasuk kematian) dengan apa cara sekali pun yang dialami oleh Peserta akibat daripada penyertaan dalam Peraduan MyDebit dan/atau penggunaan Hadiah atau sebarang kesalahan percetakan atau tipografi dalam sebarang bahan yang berkaitan dengan Peraduan MyDebit.
9. Dengan menyertai Peraduan MyDebit, setiap Peserta bersetuju untuk melepaskan Penganjur/Penaja Hadiah dan kakitangannya, pegawai, pengarah, pemegang saham, ejen, wakil, sekutunya, anak syarikat, pemegang lesen, iklan, promosi, dan agensi yang berkhidmat, serta penasihat undang-undang, daripada sebarang kerugian, kerosakan, hak, tuntutan dan tindakan yang berkaitan dengan Peraduan MyDebit atau yang berkaitan penerimaan, pemilikan, penggunaan atau penyalahgunaan Hadiah, atau perjalanan ke atau dari sebarang aktiviti yang berkaitan hadiah, termasuk tanpa batasan, kecederaan peribadi, kematian, dan kerosakan harta benda, dan tuntutan hak publisiti, fitnah, atau pencerobohan privasi.
10. Penganjur/Penaja Hadiah dan syarikat induk yang berkenaan, anak syarikat, sekutunya, pemegang lesen, pengarah, pegawai, pekerja, ejen, kontraktor bebas dan agensi pengiklanan/promosi tidak membuat jaminan, tersurat atau tersirat, dalam pernyataan atau yang termaktub dalam undang-undang, berkaitan dengan penggunaan atau kenikmatan Hadiah, termasuk tanpa batasan, kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaiannya untuk tujuan tertentu.

11. Dengan menyertai Peraduan MyDebit, pemenang bersetuju untuk membenarkan Penganjur/ Penaja Hadiah dan syarikat induk, anak syarikat, sekutunya, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi periklanan/promosi untuk menggunakan data yang dikumpulkan melalui laman web Peraduan MyDebit, yang bersamaan, data dan pernyataan biografi untuk tujuan, termasuk tanpa batasan, pengiklanan, perdagangan, atau promosi, secara kekal, dalam sebarang media yang ada sekarang atau yang direka selepas ini, tanpa pampasan, kecuali dilarang oleh undang-undang. Sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi dan/atau pendaftaran tidak memenuhi syarat dan/atau gagal menuntut Hadiah dan/atau gagal mengembalikan deklarasi dan pelepasan yang telah siap pada masa yang diperlukan, Hadiah boleh dibatalkan dan pemenang ganti boleh dipilih. Penolakan atau pengembalian pemberitahuan pemenang yang gagal dihantar juga akan menyebabkan kelayakan terbatal dan pemenang ganti boleh dipilih. Rayuan untuk memeriksa status penyertaan tidak akan dilayan.
12. Penganjur/Penaja Hadiah berhak untuk menamatkan Peraduan MyDebit lebih awal atau memanjangkan Tempoh Peraduan mengikut budi bicara mereka sendiri.
13. Semua kos, yuran dan/atau perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh pemenang berkaitan dengan Peraduan MyDebit dan/atau untuk menuntut Hadiah, yang akan merangkumi tetapi tidak terhad kepada kos pengangkutan, kos pos/*courier*, kos peribadi dan/atau kos lain, adalah tanggungjawab pemenang sepenuhnya. Penganjur/Penaja Hadiah tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kehilangan atau kerosakan semasa penghantaran hadiah.
14. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menukar hadiah yang difikirkan sesuai, dan menguruskan hadiah yang tidak dituntut dengan apa cara sekali pun. Sebarang perubahan akan menjadi muktamad dan mengikat setiap Peserta dalam Peraduan MyDebit
15. Hadiah adalah tidak boleh dirunding, tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau barangan, sama ada sebahagian atau sepenuhnya kecuali atas budi bicara mutlak pihak penganjur dan akan tertakluk pada syarat-syarat Hadiah. Hadiah tidak boleh dijual atau ditukar. Tidak ada bayaran balik untuk Hadiah yang telah digunakan sebahagiannya. Penganjur boleh mengikut budi bicara mutlaknya menarik dan/atau menggantikan Hadiah dengan barangan lain yang sama nilai tanpa sebarang notis atau alasan. Kecuali dinyatakan sebaliknya, pemenang bertanggungjawab sepenuhnya atas segala cukai dan/atau yuran serta semua kos tambahan yang mungkin ada berkaitan dengan Hadiah.
16. Pemenang Peraduan MyDebit tidak dibenarkan untuk mewakili dan/atau menyokong jenama, syarikat atau entiti lain yang secara langsung atau tidak langsung bersaing dengan jenama Penganjur/Penaja Hadiah, atau melakukan apa-apa tindakan yang menjejaskan jenama, sepanjang tempoh kontrak.
17. Keputusan Penganjur adalah muktamad dan sebarang aduan tidak akan dilayan.
18. Dengan menyertai Peraduan MyDebit, Peserta bersetuju untuk tidak akan, secara langsung atau tidak langsung, memberi, menjanjikan atau menawarkan, dan berjanji untuk tidak memberikan, menjanjikan atau menawarkan wang, sumbangan, hadiah atau faedah lain untuk mempengaruhi Penganjur dengan niat korup atau mana-mana orang persendirian atau perniagaan, atau mana-mana pekerja atau pihak berkuasa awam antarabangsa, atau sesiapa

sahaja yang bertindak bagi pihak Penganjur, semasa menjalankan tugas atau yang berkaitan untuk memperoleh keuntungan atau kelebihan yang tidak wajar sehubungan Peraduan MyDebit atau perkara lain yang dilindungi oleh Terma dan Syarat ini atau mengambil tindakan apa pun (atau gagal mengambil tindakan ketika diperlukan) yang akan melanggar undang-undang, termasuk tidak terbatas pada undang-undang dan/atau peraturan tempatan.

19. Penyertaan Peserta dalam Peraduan MyDebit merupakan perjanjian penuh tanpa syarat dan penerimaan Terma & Syarat ini.
20. Penganjur/Penaja Hadiah berhak untuk memadam, menambah atau mengubah Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa tanpa sebarang pemberitahuan terlebih dahulu. Apa-apa Terma dan Syarat yang baharu atau yang diubah akan menggantikan Terma dan Syarat sedia ada dengan serta merta.
21. Sebarang ketidaksesuaian, ketidakabsahan atau keadaan yang menghalang pelaksanaan untuk mana-mana syarat tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan penguatkuasaan Terma dan Syarat Peraduan MyDebit yang selebihnya.
22. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa syarat yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk Peraduan MyDebit ini, syarat-syarat yang terkandung dalam Terma dan Syarat di halaman Facebook rasmi Guardian, [www.facebook.com/guardianMY](http://www.facebook.com/guardianMY) akan diguna pakai.

#### **NOTIS PRIVASI BERDASARKAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010**

1. Dengan menyertai Peraduan MyDebit dan/atau memberikan data peribadi anda kepada Penganjur/Penaja Hadiah, anda menjamin dan bersetuju bahawa anda telah membaca dan memahami Dasar Privasi yang dilampirkan pada Terma dan Syarat ini dan anda bersetuju untuk Penganjur/Penaja Hadiah memproses data peribadi anda bersesuaian dengan Dasar Privasi tersebut. Anda bersetuju untuk mengganti rugi, membela, dan melepaskan Penganjur/Penaja Hadiah daripada sebarang kerugian, kerosakan, kos, tuntutan, tindakan, atau liabiliti yang berlaku disebabkan oleh pelanggaran jaminan dan persetujuan anda.
2. Penganjur/Penaja Hadiah telah mengambil langkah berjaga-jaga dan keselamatan yang berkaitan untuk memastikan keselamatan semua data peribadi Peserta, dan menghendaki semua pemproses data pihak ketiga untuk mematuhi langkah yang sama. Walau bagaimanapun, harap maklum bahawa Penganjur/ Penaja Hadiah Penaja boleh menyerahkan data peribadi Peserta sekiranya diperlukan oleh undang-undang, atau oleh waran penggeledahan, subpoena, atau perintah mahkamah untuk mematuhi undang-undang Malaysia, Peserta dengan ini memberikan persetujuan dan memberi kuasa kepada Penganjur/Penaja Hadiah untuk mengumpulkan, memproses dan menyimpan maklumat yang diperlukan dan untuk mendedahkan maklumat peribadi Peserta kepada pihak berkaitan yang terlibat dalam penganjuran Peraduan MyDebit ini.
3. Sebarang penarikan persetujuan Peserta hendaklah dibuat secara bertulis dan diterima oleh Penganjur/Penaja Hadiah sebelum berakhirnya Tempoh Peraduan MyDebit dan sekiranya terjadi, Peserta akan dianggap telah menarik diri dari Peraduan MyDebit.
4. Peserta juga memberi persetujuan kepada bank masing-masing untuk berkongsi dan mendedahkan Data Peribadi mereka kepada Penganjur/Penaja Hadiah bagi tujuan yang berkaitan dengan Peraduan MyDebit.



5. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta meliputi:
- i. hak untuk menarik persetujuan penggunaan maklumat peribadi mereka pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur dan memberikan Penganjur/Penaja Hadiah nama dan alamat e-mel Peserta supaya Penganjur boleh melakukan penghapusan data.
  - ii. hak untuk mendapatkan salinan data peribadi yang dipegang oleh Penganjur Peserta [Penganjur berhak mengenakan sedikit bayaran untuk melaksanakan hak ini].
  - iii. hak untuk membetulkan kesilapan data peribadi yang disimpan oleh Penganjur
6. Peserta berhak mendapatkan akses, meminta pembetulan atau menarik persetujuan untuk mendedahkan maklumat peribadi yang dipegang oleh Penganjur. Permintaan tersebut boleh dibuat melalui mesej Facebook di halaman Facebook rasmi Guardian, [www.facebook.com/guardianMY](http://www.facebook.com/guardianMY) atau melalui pos ke alamat berikut;

Guardian Health And Beauty Sdn. Bhd.  
Mezzanine Floor, Giant Hypermarket Shah Alam Stadium,  
Lot 2, Persiaran Sukan,  
Seksyen 13, 40100,  
Shah Alam Selangor.

[TAMAT]